

Bab 2: Latihan 1 (Bahagian A)

1. (a) Bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan membantu perniagaan? (2 markah)
- (b) Jelaskan dua jenis inflasi di bawah
- (i) Inflasi tarikan permintaan (4 markah)
- (ii) Inflasi tolakan kos (4 markah)

HURAIAN JAWAPAN

- 1(a) Cara Pihak Berkuasa Tempatan membantu perniagaan ialah menyediakan kemudahan _____ menggubal _____ kecil merangka dan melaksanakan _____ tempatan mewujudkan _____ pengawalan tahap _____ dan keselamatan melaksanakan _____ sosial

- (b) (i) Inflasi tarikan permintaan ialah

inflasi yang berlaku apabila bekalan barangan _____ untuk memenuhi permintaan pasaran. Ia juga berlaku apabila berlaku pertambahan _____ secara tiba-tiba dalam jangka masa yang pendek dan pengeluar tidak dapat _____ pengeluaran dalam masa yang pendek. Contohnya, permintaan ikan pada Tahun Baru Cina adalah tinggi, akan tetapi bekalan ikan tidak mencukupi, ini akan menyebabkan harga _____.

- (ii) Inflasi tolakan kos

berlaku apabila kos pengeluaran suatu produk _____. Apabila kos pengeluaran meningkat, peniaga akan _____ sebahagian kos yang ditanggungnya kepada pengguna ini akan menyebabkan harga barang meningkat. Contohnya, apabila harga gula naik, harga minuman akan meningkat.

memindahkan	tidak mencukupi	meningkat
menambah	ikan melambung	permintaan
tanggungjawab	infrastructure	kesihatan awam
pusat-pusat perniagaan	dasar pembangunan	undang-undang